

Banjir lumpur berulang

» Pemaju hanya susun batu elak gelinciran tanah

Oleh Sarah Sulaiman

sarahsulaimab@bharian.com.my

► Cheras

Kesal dengan sikap pemaju yang terus mena-rah cerun bukit berdekatan kawasan perumahan hingga mengakibatkan banjir lumpur, penduduk meminta Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) bertindak lebih tegas.

Setiausaha Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Seksyen Tujuh Bandar Sungai Long, Danny Lau, berkata kawasan cerun setinggi lima meter berhampiran kediaman mereka dibersihkan kontraktor projek pembinaan banglo, sehingga menyebabkan enam kejadian banjir lumpur dalam masa tiga bulan.

Tindakan sia-sia

“Walaupun MPKJ mendakwa sudah mengeluarkan notis



Keadaan cerun bukit berhampiran Jalan 7/18 yang disusun batu bagi mengelak gelinciran hakisan tanah hingga menyebabkan banjir lumpur di Seksyen Tujuh Bandar Sungai Long.

[FOTO SARAH SULAIMAN / BH]

arahan kepada pihak pemaju (Cerdas Makmur) bagi menjalankan kerja penstabilan cerun mengikut spesifikasi ditetapkan, masalah sama masih berulang kerana pemaju hanya meletakkan ketulan batu bagi menghalang masalah itu,

“Laluan masuk ke lorong 7/18 pula ditutup dengan susunan batu dipercayai

bagi menghalang laluan air ketika hujan lebat. Bagaimanapun, tindakan ini hanya sia-sia kerana masalah sama berulang di kawasan rendah, baru-baru ini,” katanya ketika ditemui BH Sentral.

Tinjauan BH Sentral mendapati, lorong belakang di Jalan 7/18 tidak boleh dilalui berikutan terdapat ketulan batu penghadang disusun dipercayai

bertujuan mengelak gelinciran tanah daripada memasuki rumah penduduk.

Keadaan itu dilihat menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk kerana mereka mahu lesen pemaju berkenaan dibekukan buat sementara sehingga masalah permukaan cerun yang dibersihkan itu tidak lagi membebankan penduduk berhampiran.

Pada 16 November lalu, BH Sentral menyiarkan masalah kejadian cerun runtuh, yang berulang hingga menyebabkan banjir lumpur di Seksyen Tujuh Bandar Sungai Long (BSL) dipercayai berpunca daripada kerja pembersihan tapak pembinaan.

Kerja merata tapak yang dulunya dipenuhi semak itu sekadar ditutup menggunakan kanvas. Bagaimanapun, hujan lebat menyebabkan kanvas itu tidak mampu menampung pengaliran air deras, menyebabkan limpahan banjir lumpur ke kawasan perumahan.

Justeru, penduduk mahu pemaju segera menyelesaikan masalah ini kerana tidak sanggup lagi menanggung risiko kawasan rumah dibanahi lumpur setiap kali hujan.